



JABATAN LAUT WILAYAH TENGAH
MARINE DEPARTMENT CENTRAL REGION
(SELANGOR, NEGERI SEMBILAN & MELAKA)
PETI SURAT 268, JALAN FORESHORE
42000 PELABUHAN KLANG
SELANGOR, MALAYSIA

Telefon: 03-3169 5100 Emel : pjlwt@marine.gov.my
Faks: 03-3165 3540 Laman Web : <http://www.marine.gov.my>
Kawat : MARINE PELABUHAN KLANG



MS ISO 9001
Cert. No : KLR 0403591 B
Cert. No : KLR 0403591 N
Cert. No : KLR 0403591 M

PEKELILING PELABUHAN (PORT CIRCULAR)
NO: 12/2008

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal,
Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 30 September 2008.

KERJA-KERJA PENGOREKAN DI SEKITAR JETI LAFARGE CEMENT
DI SUNGAI PULUH, PELABUHAN KLANG SERTA PELUPUSAN
BAHAN SISA KOREKAN DI TAPAK PEMBUANGAN AM SELATAN

Adalah dimaklumkan bahawa suatu kerja-kerja pengorekan sungai (maintenance dredging) akan dijalankan di kawasan sekitar Jeti Lafarge Cement di Sungai Puluh, Pelabuhan Klang selama tempoh kira-kira 3 bulan mulai dari 30 September 2008. Dalam masa yang sama, semua bahan-bahan sisa korekan tersebut akan dilupuskan di Kawasan Pembuangan Am (Spoil Ground) Selatan yang terletak di Lat. 02° 53.52' Utara dan Long. 101° 09.00' Timur.

2. Dimaklumkan juga bahawa vesel-vesel yang akan digunakan dalam kerja-kerja itu kelak adalah; Meisun G6 Dredger), Meisun T31 (Tug Boat), Meisun T35 (Tug Boat), Kresna Raya 1 (Tug Boat), Meisun H10 (Hopper Barge), Meisun H11 (Hopper Barge), Meisun H15 (Hopper Barge) dan Meisun V41 (Hopper Barge).

3. Selaras dengan itu juga, semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot-bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan kerja dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada vesel-vesel berkaitan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)

Pegawai Laut Keselamatan Pelayaran,
b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah.

- s.k: (i) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
(ii) Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Kelang.
(iii) Penyelia,
Pusat VTS/Komunikasi Jabatan Laut.